

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 12 Julai 2023



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**BAGI PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MALAYSIA,**  
**MEI 2023**

---

**Perdagangan Borong & Runcit Malaysia merekodkan pertumbuhan 6.6 peratus pada Mei 2023 untuk berada pada paras RM138.0 bilion**

**PUTRAJAYA, 12 JULAI 2023** – Perdagangan Borong & Runcit Malaysia mencatatkan nilai jualan berjumlah RM138.0 bilion, bertumbuh 6.6 peratus tahun ke tahun pada Mei 2023. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam siaran **PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MEI 2023**. Laporan ini juga memaparkan statistik nilai jualan dan indeks volum bagi Perdagangan Borong & Runcit mengikut subsektor serta indeks jualan runcit melalui internet.

Menurut DOSM, peningkatan sebanyak 6.6 peratus bagi Perdagangan Borong & Runcit pada Mei 2023 disumbangkan oleh subsektor Kenderaan Bermotor yang melonjak 22.0 peratus atau RM3.1 bilion kepada RM17.0 bilion. Perdagangan Runcit juga berkembang dengan mencatatkan 5.0 peratus atau RM2.8 bilion kepada RM58.8 bilion, diikuti oleh Perdagangan Borong yang meningkat 4.4 peratus atau RM2.6 bilion untuk berada pada RM62.2 bilion. Bagi

perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit kembali mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 1.5 peratus disumbangkan oleh subsektor Kenderaan Bermotor dan Perdagangan Borong masing-masing 16.2 peratus dan 2.1 peratus.

Bagi prestasi mengikut subsektor, pertumbuhan dua digit 22.0 peratus dalam Kenderaan Bermotor pada bulan ini didorong oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang melonjak 29.8 peratus atau RM2.1 bilion kepada RM8.9 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Komponen & Aksesori Kenderaan Bermotor dan Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor masing-masing naik 17.7 peratus dan 20.4 peratus. Walau bagaimanapun, Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal menurun -5.0 peratus. Bagi perbandingan bulanan, subsektor ini melonjak sebanyak 16.2 peratus disumbangkan oleh semua kumpulan dalam subsektor ini terutamanya Jualan Kenderaan Bermotor dengan 30.8 peratus.

Mengulas lanjut mengenai subsektor Perdagangan Runcit, kenaikan 5.0 peratus pada Mei 2023 disokong oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan yang bertumbuh 8.4 peratus atau RM1.7 bilion kepada RM22.5 bilion. Kumpulan lain dalam subsektor ini turut merekodkan pertumbuhan positif iaitu Jualan Runcit di Kedai Pengkhususan 6.0 peratus, Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau 10.0 peratus, Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan 6.0 peratus, Jualan Runcit Bukan di Kedai, Gerai atau Pasar 2.5 peratus dan Jualan Runcit di Gerai & Pasar 6.0 peratus. Sebaliknya, bagi perbandingan bulan ke bulan, jualan subsektor ini menurun -2.7 peratus dengan hampir semua kumpulan mencatatkan pertumbuhan negatif.

DOSM turut memaklumkan bahawa peningkatan 4.4 peratus dalam subsektor Perdagangan Borong disumbangkan oleh Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau yang meningkat RM1.1 bilion atau 9.6 peratus kepada RM12.3 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Borong Barangan Isi Rumah 7.9 peratus, Jual Borong Bahan

Mentah Pertanian & Haiwan Hidup 8.6 peratus, Jualan Borong Jentera, Peralatan & Bekalan 5.8 peratus, Perdagangan Borong Tanpa Pengkhususan 11.6 peratus dan Jual Borong Berdasarkan Kontrak atau Yuran 7.3 peratus. Bagi perbandingan bulanan, Perdagangan Borong naik 2.1 peratus, terutamanya disumbangkan oleh Jual Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup dan Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong masing-masing meningkat 7.5 peratus dan 1.1 peratus.

Bagi indeks jualan runcit melalui internet, indeks ini merekodkan -0.8 peratus tahun ke tahun pada Mei 2023 berbanding 4.1 peratus pada April 2023. Bagi nilai pelarasan musim, indeks ini menguncup -5.5 peratus berbanding bulan sebelum.

Bagi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit pada Mei 2023 mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 4.6 peratus. DOSM turut memaklumkan bahawa pengembangan itu disumbangkan oleh semua subsektor iaitu Kenderaan Bermotor 17.8 peratus, Perdagangan Borong 5.3 peratus dan Perdagangan Runcit 2.4 peratus. Bagi indeks volum pelarasan musim, ia merosot -4.1 peratus bulan ke bulan.


DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.

DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan.

**Carta 1: Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit (RM Bilion)**



**Carta 2: Indeks Jualan Runcit Melalui Internet**



Dikeluarkan oleh:

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**12 JULAI 2023**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, July 12, 2023**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

***MEDIA STATEMENT***  
***FOR PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, MALAYSIA,***  
***MAY 2023***

---

***Malaysia's Wholesale & Retail Trade recorded 6.6 per cent growth in  
May 2023 to stand at RM138.0 billion***

***PUTRAJAYA, JULY 12, 2023*** – Malaysia's Wholesale & Retail Trade recorded monthly sales value of RM138.0 billion, grew 6.6 per cent year-on-year in May 2023. This is reported by Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of ***PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, MAY 2023***. The report also presents statistics on sales value and volume index of Wholesale & Retail Trade by sub-sector as well as index of retail sales over the internet.

According to DOSM, the increase of 6.6 per cent for Wholesale & Retail Trade in May 2023 was attributed to Motor Vehicles sub-sector, which surged 22.0 per cent or RM3.1 billion to register RM17.0 billion. Retail Trade also expanded by registering 5.0 per cent or RM2.8 billion to RM58.8 billion, followed by Wholesale Trade with an increase of 4.4 per cent or RM2.6 billion to settle at RM62.2 billion. For month-on-month comparison, sales value of Wholesale & Retail Trade rebounded 1.5 per cent, contributed by Motor Vehicles and Wholesale Trade

*sub-sectors of 16.2 per cent and 2.1 per cent, respectively.*

*Looking at the performance across sub-sectors, the double-digit growth of 22.0 per cent in Motor Vehicles sub-sector this month was pushed up by Sales of Motor Vehicles which jumped 29.8 per cent or RM2.1 billion to RM8.9 billion. This was followed by Sales of Motor Vehicles Parts & Accessories and Maintenance & Repair of Motor Vehicles which climbed 17.7 per cent and 20.4 per cent, respectively. However, Sales, Maintenance & Repair of Motorcycles decreased -5.0 per cent. For monthly comparison, this sub-sector bounced back 16.2 per cent, contributed by all groups, mainly Sales of Motor Vehicles with 30.8 per cent.*

*Commenting further on Retail Trade sub-sector, the growth of 5.0 per cent in May 2023 was supported by Retail Sales in Non-specialised Stores which grew 8.4 per cent or RM1.7 billion to RM22.5 billion. Other groups in this sub-sector also recorded positive growth namely Retail Sales in Specialised Stores 6.0 per cent, Retail Sales of Food, Beverages & Tobacco 10.0 per cent, Retail Sales of Automotive Fuel 6.0 per cent, Retail Sales Not in Stores, Stalls or Market 2.5 per cent, and Retail Sales in Stalls & Market 6.0 per cent. On the other hand, for month-on-month comparison, sales of this sub-sector went down -2.7 per cent with most of the groups registered a negative growth.*

*DOSM also informed that the increase of 4.4 per cent in Wholesale Trade was attributed to Wholesale of Food, Beverages & Tobacco which rose RM1.1 billion or 9.6 per cent to RM12.3 billion. This was followed by Wholesale of Household Goods 7.9 per cent, Wholesale of Agricultural Raw Materials & Live Animals 8.6 per cent, Wholesale of Machinery, Equipment & Supplies 5.8 per cent, Non-specialised Wholesale Trade 11.6 per cent, and Wholesale on a Fee or Contract Basis 7.3 per cent. For monthly comparison, Wholesale Trade rose 2.1 per cent, mainly attributable to Wholesale of Agricultural Raw Materials & Live*

*Animals and Other Specialised Wholesale which increased 7.5 per cent and 1.1 per cent, respectively.*

*For index of retail sale over the internet, the index recorded -0.8 per cent growth year-on-year in May 2023 as compared to 4.1 per cent in April 2023. For seasonally adjusted value, the index contracted -5.5 per cent as against the previous month.*

*In terms of volume index, Wholesale & Retail Trade for May 2023 registered a year-on-year growth of 4.6 per cent. DOSM also added that the expansion was attributed to all sub-sectors namely Motor Vehicles 17.8 per cent, Wholesale Trade 5.3 per cent, and Retail Trade 2.4 per cent. For seasonally adjusted volume index, it declined -4.1 per cent month-on-month.*


*DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.*


*Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.*

*DOSM will release the Advance GDP Estimates beginning in the second quarter of 2023. These advance estimates are an initiative by DOSM to provide an overview of the economic performance four (4) weeks prior to the release of the Quarterly GDP.*

**Chart 1: Sales Value of Wholesale & Retail Trade (RM Billion)**



**Chart 2: Index of Retail Sale Over the Internet**



*Released by:*

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**12 JULY 2023**